

## Lawatan Sambil Belajar ke Muzium Perubatan UMS

Terakhir dikemaskini: Selasa, 22 Ogos 2017 17:21 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 983

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**SELASA, 22 OGOS** - Seramai 30 kakitangan pengurusan dan pelaksana Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) mengadakan lawatan ke Muzium Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Lawatan itu antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan kepada staf fakulti tersebut terhadap bahan pameran yang terdapat dalam muzium berkenaan seperti model anatomi manusia yang diawet dengan teknik plantinasi, dan juga koleksi bahan pameran model anatomi dalam bentuk spesimen dan patung.

Selain itu, ia juga bagi memberikan kefahaman kepada staf FPSK tentang muzium tersebut agar mampu memberi penerangan kepada orang awam atau pelawat

yang ingin mendapatkan maklumat lanjut sekali gus membantu mempromosi dan menyokong kepada usaha penajaan yang kini giat dilaksanakan universiti.

Sesi penerangan terhadap rombongan pelawat telah dikendalikan Kurator Muzium Perubatan, Faranizah Taufick.

Hadir sama, Ketua Bahagian Pentadbiran FPSK, Hasmi Hashim; Ketua Sektor Pengurusan Sains, Johan Alexander; Penolong Pendaftar Kanan FPSK, Awang Jamaludin dan Ketua Penolong Pegawai Tadbir FPSK, Fauziah Ismail.

Untuk rekod, Muzium Perubatan yang ditubuhkan pada 14 April 2010 atas inspirasi mantan Dekan Pertama FPSK, Prof. Dr. Osman Ali, turut sering menerima lawatan dari sekolah-sekolah, institusi awam dan swasta serta orang ramai untuk merasakan sendiri pengalaman dan keunikan muzium tersebut.

Sumber: Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan